

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DI SEKOLAH
RENDAH DAERAH PONTIAN

MOHD AZEMAN BIN SAILIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan & Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2013

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pengetahuan, pendapat dan amalan guru di sekolah rendah daerah Pontian dalam melaksanakan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Sistem ini dilaksanakan untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dan menggantikan sistem sedia ada iaitu sistem berasaskan peperiksaan. Sampel kajian yang dipilih adalah seramai 120 orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar kelas-kelas KSSR iaitu darjah satu hingga tiga. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis data pula adalah menggunakan perisian "*Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 18.0*" bagi mendapatkan min dan peratusan data. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 orang guru untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian dan nilai kebolehpercayaan yang didapati adalah tinggi iaitu 0.920. Tahap pengetahuan responden bagi sekolah yang dikaji ini berada pada tahap yang tinggi (min = 4.181 dan nilai sisihan piawainya = 0.675). Tahap pendapat guru pula pada tahap sederhana dengan min 3.301 dan sisihan piawainya ialah 0.938. Tahap amalan dalam kajian ini adalah 4.006 dan nilai sisihan piawainya 0.636. Ini jelas menunjukkan bahawa tahap amalan guru terhadap pelaksanaan PBS ini berada pada tahap yang tinggi. Tahap amalan dalam kajian ini pula adalah 4.006 dengan nilai sisihan piawainya 0.636 iaitu pada tahap tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan terhadap tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBS, sedangkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kaum dan tempoh perkhidmatan. Selain itu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapat dengan jantina dan tempoh perkhidmatan, namun terdapat hubungan yang signifikan antara pendapat dengan kaum. Bagi tahap amalan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan dengan jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan. Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap pengetahuan, amalan dan pendapat yang tinggi dan mempunyai kesediaan dalam melaksanakan sistem pentaksiran berasaskan sekolah.

ABSTRACT

This study aims to review the knowledge, opinions and practices of primary school teachers in Pontian in implementing school-based assessment system. The system is implemented to produce quality students and replace the present system which is examination-based system. (The sample selected is a total of 120 respondents from the teachers who teach the classes KSSR of grade one to three. The selected sample consists of 120 respondents who are the teachers of KSSR's classes from grade one to three. Respondents were selected because they can give opinion on the eight objectives of the study. The research design was quantitative using questionnaires as the research instrument. Data analysis also is using the software "Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 18.0" for the mean and percentage data. A pilot study was conducted on 30 teachers and the reliability of the instrument was high at 0.920. Respondent knowledge of the schools studied is at a high level (mean = 4.181 and standard deviation = 0.675). The level of teachers' opinions was moderate with a mean of 3.301 and standard deviation is 0.938. Standard of practice in the study was 4.006 and the standard deviation is 0.636. This clearly shows that the level of teachers' implementation of PBS is at a high level. The level of practice in this research is 4.006 with a standard deviation of 0.636 at a high level. There are significant differences between male and female respondents on the level of teachers' knowledge in the implementation of PBS, while there was no significant relationship between the knowledge and years of service. In addition there was a significant relationship between opinion and gender and length of service, but there was a significant relationship between the opinions of the races. Finally, the study found that there was no significant relationship between the practice of gender, race and length of service. Overall, these findings show that respondents have the knowledge, practice and opinions in height and have willingness in implementing school-based assessment of student performance.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	<i>ABSTRACT</i>	vii
	HALAMAN KANDUNGAN	viii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xiv
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii
1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Skop Kajian	10
	1.9 Kerangka Teori / Model	11

1.10	Kerangka Kajian	12
1.11	Batasan Kajian	13
1.12	Definisi Konsep dan Operasi	13
1.12.1	Pengurusan	13
1.12.2	Guru	15
1.12.3	Pendapat	17
1.12.4	Pelaksanaan	18
1.12.5	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	18
1.12.6	Pementoran	20
1.12.7	Penyelarasan	21
1.12.8	Pemantauan	22
1.12.9	Pengesanan	23
1.13	Penutup	24

2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Definisi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	26
2.2.1	Objektif PBS	28
2.2.2	Tujuan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	29
2.2.3	Kelebihan PBS	31
2.2.4	Proses Pelaksanaan	32
2.2.5	Dasar Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	33
2.2.6	Senarai Jawatankuasa PBS	43
2.2.6.1	Senarai Jawatankuasa PBS Peringkat Kebangsaan	43
2.2.6.2	Senarai Jawatankuasa PBS Peringkat Negeri	44
2.2.6.3	Jawatankuasa PBS Peringkat Daerah	45
2.2.6.4	Jawatankuasa PBS Peringkat Sekolah	45

	Rendah	
2.2.7	Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa PBS	46
2.2.8	Setiausaha Peperiksaan Sekolah	47
2.2.9	Penyelaras PBS	48
2.2.10	Pentaksir Sekolah (Guru)	49
2.3	Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara	50
2.3.1	Kajian Penilaian dan Pentaksiran	50
2.3.2	Kajian Pengetahuan	52
2.3.3	Kajian Amalan Guru dan Guru Besar	57
2.3.4	Kajian Pendapat (Persepsi)	61
2.3.5	Kajian Tentang PBS	65
2.3	Penutup	68

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	69
3.2	Rekabentuk Kajian	69
3.3	Lokasi Kajian	70
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	71
3.5	Instrumen Kajian	72
3.6	Pengumpulan Data	74
3.7	Analisis Data	75
3.7.1	Kaedah Deskriptif	76
3.7.2	Ujian ANOVA Sehalu	77
3.7.3	Ujian T	78
3.7.4	Ujian Korelasi Pearson	78
3.8	Kajian Rintis	79
3.8	Penutup	80

4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	81
4.2	Latar Belakang Responden	82
4.2.1	Jantina	82
4.2.2	Bangsa	82
4.2.3	Agama	83
4.2.4	Pengalaman Bekerja Sebagai Guru	84
4.2.5	Jenis Sekolah	84
4.3	Analisis Deskriptif	85
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pelaksanakan PBS	85
4.3.2	Tahap Pendapat Guru Tentang Pelaksanakan PBS	87
4.3.3	Tahap Amalan Guru Dalam Pelaksanaan PBS	89
4.4	Analisis Inferensi	91
4.4.1	Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pelaksanaan PBS Mengikut Demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)	92
4.4.2	Tahap Pendapat Guru Tentang Pelaksanaan PBS Mengikut Demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)	94
4.4.3	Tahap Amalan Guru Tentang Pelaksanaan PBS Mengikut Demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)	97
4.4.4	Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jenis Sekolah (Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina)	99
4.4.5	Hubungan Antara Pengetahuan Guru Dan Pendapat Dengan Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	100
4.5	Kesimpulan	101
4.6	Penutup	102

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Rumusan Kajian	104
5.3	Perbincangan	105
5.3.1	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanakan PBS	105
5.3.2	Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanakan PBS	109
5.3.3	Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanakan PBS	111
5.3.4	Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Demografi (Jantina, Kaum Dan Tempoh Perkhidmatan)	112
5.3.4.1	Analisis Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina	112
5.3.4.2	Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Kaum	113
5.3.4.3	Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Tempoh Perkhidmatan	114
5.3.5	Perbezaan Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Demografi (Jantina, Kaum Dan Tempoh Perkhidmatan)	115
5.3.5.1	Analisis Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina.	116
5.3.5.2	Analisis Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Kaum.	116
5.3.5.3	Analisis Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Tempoh Perkhidmatan.	117

5.3.6	Perbezaan Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Demografi (Jantina, Kaum Dan Tempoh Perkhidmatan)	119
5.3.6.1	Analisis Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina.	119
5.3.6.2	Analisis Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Kaum.	120
5.3.6.3	Analisis Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Tempoh Perkhidmatan.	121
5.3.7	Analisis Perbezaan Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jenis Sekolah (Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina)	122
5.3.8	Analisis Hubungan Antara Pengetahuan Guru Dan Pendapat Guru Dengan Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	123
5.4	Cadangan Kajian	125
5.4.1	Cadangan Tindakan	125
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	127
5.5	Penutup	128
	BIBLIOGRAFI	129
	LAMPIRAN	138

SENARAI LAMPIRAN

	Lampiran
Surat Permohonan Menjalankan Kajian	A
Borang Soal Selidik Kajian	B
Dapatan Statistik SPSS	C

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Senarai Sekolah Zon Pekan Nenas, Pontian	71
3.2	Skala Likert 5 Mata	73
3.3	Taburan Soalan Mengikut Konstrak	74
3.4	Objektif Kajian dan Kaedah Analisis Deskriptif	76
3.5	Tahap Analisis Min	77
3.6	Skala Guilford bagi kekuatan Korelasi Pearson	78
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	82
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	83
4.3	Taburan Responden Mengikut Agama	83
4.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja Sebagai Guru	84
4.5	Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah	85
4.6	Taburan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan.	86
4.7	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendapat	88
4.8	Taburan Responden Mengikut Tahap Amalan.	90
4.9	Analisis Ujian-T Terhadap Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina	92
4.10	Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehalu Terhadap Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Kaum.	92

4.11	Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehal Terhadap Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Tempoh Perkhidmatan.	93
4.12	Analisis Ujian-T Terhadap Perbezaan Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina.	94
4.13	Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehal Terhadap Perbezaan Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Kaum.	95
4.14	Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehal Terhadap Perbezaan Tahap Pendapat Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Tempoh Perkhidmatan.	96
4.15	Analisis Ujian-T Terhadap Perbezaan Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jantina.	97
4.16	Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehal Terhadap Perbezaan Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Kaum.	97
4.17	Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehal Terhadap Perbezaan Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Tempoh Perkhidmatan.	98
4.18	Analisis Ujian-T Terhadap Perbezaan Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Mengikut Jenis Sekolah.	99
4.19	Analisis Kolerasi Terhadap Hubungan Antara Pendapat Guru dan Pengetahuan Guru Dengan Amalan Guru Dalam Melaksanakan PBS	100

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Model PBS	11
1.2	Kerangka Konsep Kajian	12
2.1	Komponen PBS	35
2.2	Jadual Pelaksanaan PBS Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3)	36
2.3	Jadual Pelaksanaan PBS Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6)	37

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	KETERANGAN
BMI	Body Mass Index
DSP	Dokumen Standard Prestasi
GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
JK	Jawatankuasa
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LP	Lembaga Peperiksaan
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
OKU	Orang Kurang Upaya
P&P	Pembelajaran dan Pengajaran
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIPP	Plan Indnduk Pembangunan Pendidikan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PP	Pentaksiran Pusat
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah

PPS	Program Perkembangan Staf
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PS	Pentaksiran Sekolah
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SEGAK	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SPPBS	Sistem Pengurusan Penilaian Berasaskan Sekolah
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPSS	Statistical Package for Social Science
SRJK(C)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
TQM	Total Quality Management
UKPBS	Unit Khas Pentaksiran Berasaskan Sekolah
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan satu bidang yang sentiasa berhadapan dengan cabaran yang memerlukan perancangan rapi, bersistematik dan menyeluruh. Proses penilaian dan penambahbaikan adalah merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam kitaran perancangan bagi memajukan sistem pendidikan negara (PIPP, 2006).

Sekolah-sekolah di Malaysia kini memerlukan perubahan yang berterusan bagi mengekalkan dan meningkatkan prestasi serta keberkesanannya. Ianya merupakan wawasan dan agenda penting yang termaktub dalam misi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang memberi fokus kepada usaha membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti, bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi Negara.

Justeru itu, kerajaan perlu mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Pentaksiran Berasaskan Sekolah ialah pentaksiran yang bersifat holistik, iaitu menilai aspek kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pentaksiran Berasaskan Sekolah terdiri daripada komponen berikut, iaitu Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum dan Pentaksiran Psikometrik.

Sistem pentaksiran dalam pendidikan perlu berubah selari dengan perubahan zaman dan keperluan kehidupan seharian. Guru-guru di sekolah merupakan pelaksana sistem pentaksiran ini. Perubahan dan keberkesanan pelaksanaan sistem pendidikan dalam sesebuah negara sering kali dikaitkan dengan kualiti guru-guru dalam sesebuah sekolah (Kantrowitz & Wingert, 2000). Malah pembangunan dan kemajuan negara pada masa depan bergantung kepada sistem pendidikan, kepemimpinan sekolah, guru-guru dan rupa bentuk pelajar yang akan dihasilkan (Wan Mohd Zahid Wan Nordin, 1993; Abdul Shukur Abdullah, 1995, 1996, 1998).

Menurut Jamil (2005), untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran murid, kita boleh menggunakan proses pengukuran, penilaian atau pentaksiran. Pengukuran ialah proses mendapatkan maklumat dengan cara mengukur dengan menggunakan instrumen sebelum ukuran itu dapat dinilai atau diinterpretasikan. Proses pengukuran berakhir dengan maklumat berbentuk kuantitatif seperti markah mentah, peratus markah mentah, persentil (peratusan kedudukan seseorang berbanding kedudukan orang lain), agregat dan pangkat.

Penilaian ialah proses mendapatkan maklumat tentang sesuatu diikuti dengan proses memberi nilai atau interpretasi kepada maklumat itu. Berbanding dengan pengukuran, maklumat yang diperolehi daripada penilaian boleh jadi berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Maklumat kualitatif dalam penilaian adalah seperti "*Baik*", "*Cemerlang*", "*Menguasai tahap pencapaian minimum*" dan "*Boleh membaca dengan kefahaman yang tinggi*".

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan untuk peringkat darjah satu pada tahun 2011 telah mengguna pakai Pentaksiran

Berasaskan Sekolah (PBS) untuk mentaksir pembelajaran murid. Dalam pelaksanaan PBS, pentaksiran formatif atau *assessment for learning* diberi penekanan utama untuk meningkatkan lagi pembelajaran murid dan dengan harapan dapat membina potensi murid secara lebih menyeluruh (Na'imah, 2011). Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan dan diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan tujuan agar aspek pengukuran murid juga lebih bersifat menyeluruh.

Penggunaan teknik pentaksiran formatif yang tepat adalah penting kerana ia membantu murid menguasai apa yang diajar, memberi peluang kepada murid berkomunikasi, mempamerkan kefahaman serta memenuhi keperluan murid untuk meningkatkan pembelajaran mereka (Black dan William, 1998) dan berupaya memberi maklumat kepada murid berkaitan tahap pembelajaran semasa, arah meningkatkan pencapaian serta status pencapaian berbanding objektif pembelajaran (Chappuis dan Chappuis, 2008). Penggunaan teknik pentaksiran formatif turut membekalkan maklumat berkaitan kualiti pengajaran guru (Hall dan Burke, 2003).

Teknik pentaksiran PBS yang dijalankan secara tidak formal seperti perbincangan, pemerhatian, soal jawab lisan, latihan bertulis, kerja rumah, projek, tugasan, portfolio, kerja kumpulan, pentaksiran sendiri, pentaksiran perkembangan dan dialog. Semua teknik ini mencabar pemikiran murid supaya berfikir, reflektif, fokus untuk meningkatkan kefahaman dan peluang untuk berfikir dengan mendalam dan peluang mempamerkan idea mereka (Black dan Wiliam, 1998; Brookhart, 2007; Cizek, 2007; Chappuis dan Chappuis, 2008; Harlen, 2007; Scherer, 2007).

Penggunaan teknik-teknik ini juga berupaya membawa penyertaan murid secara aktif dalam proses P&P (Crooks, 1998; Hamm dan Adams, 2009; Scherer, 2005; Stiggins dan Chappuis, 2006). Penggunaan pelbagai teknik dalam pentaksiran formatif dapat meningkatkan kesahan terhadap konstruk yang diukur (Brookhart, 2009). Hal ini juga bermakna adanya kesahan yang tinggi dalam keputusan yang

dibuat berkaitan pembelajaran murid kerana maklumat untuk membuat keputusan diperolehi daripada pelbagai sumber (Brookhart, 2009).

Menurut Esah Sulaiman (2003), guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid setiap hari. Tugas asasi guru ialah mengajar dan menilai pengajarannya. Namun isu yang timbul ialah guru yang tidak kompeten untuk menjalankan tugas membuat pentaksiran. Guru tidak terdedah dengan kaedah dan teknik penandaan standard. Ini kerana mereka tidak pernah diberi pendedahan seperti kursus penandaan dan sebagainya. Namun demikian, sejauh manakah tahap kesediaan guru, murid, ibu bapa dan masyarakat bagi merealisasikan impian kerajaan ini akan cuba dikupas oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perubahan kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) daripada amalan pentaksiran sumatif yang memberi fokus utama terhadap ujian dan peperiksaan kepada amalan PBS yang mementingkan pentaksiran formatif telah menimbulkan banyak rungutan dalam kalangan guru. Hal ini berikutan perasaan kurang keyakinan guru untuk menjalankan PBS dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P). Aplikasi pentaksiran PBS masih lemah kerana guru kurang mahir mengintegrasikan teknik pentaksiran formatif dalam proses P&P kerana menganggap bahawa ia sesuatu yang asing atau terpisah. Walhal teknik tersebut amat biasa dengan amalan mereka (Black dan Wiliam, 1998; Brookhart, 2007; Hall dan Burke, 2003).

Kajian Black dan Wiliam (1998) mendapati guru masih memerlukan latihan untuk melaksanakan pentaksiran formatif. Berikutan itu mereka menyarankan guru menggunakan pelbagai teknik sebagai alat pentaksiran PBS selagi cara dan tujuan teknik itu berupaya memberikan maklumat bagi tujuan mengubah suai pengajaran

dan merancang pengajaran akan datang. Perkara ini disokong oleh Scherer (2005) yang menyatakan semua teknik yang membolehkan guru mendapatkan maklumat berkaitan status kefahaman, kemahiran dan pengetahuan murid sesuai digunakan sebagai teknik pentaksiran formatif.

Bagaimanapun, tulisan Black dan Wiliam (1998), Brookhart (2007), Hall dan Burke (2003) dan Scherer (2005) tidak menjelaskan dengan terperinci bagaimana teknik-teknik pentaksiran formatif dapat dijadikan panduan oleh guru dengan jayanya. Bagaimana pun, Fisher dan Frey (2007) mendapati garis panduan yang membezakan antara fungsi teknik pentaksiran formatif dengan teknik P&P ialah teknik pentaksiran formatif sewajarnya dijalankan selepas guru menggunakan teknik P&P untuk menyampaikan konsep atau isi pelajaran. Mereka menyarankan guru memulakan teknik pentaksiran formatif selepas sepuluh atau lima belas minit mengajar isi dan konsep pelajaran.

Guru juga kurang pengetahuan terhadap pentaksiran formatif. Sebagai contoh, kajian Mohd Azhar dan Shahrir (2007) mendapati guru menggunakan teknik soal jawab sebagai teknik pengajaran dan bukan sebagai teknik pentaksiran. Ini disokong oleh kajian Zamri dan Nor Razah (2011) mendapati keserasian guru menggunakan teknik menyoal dalam meningkatkan pembelajaran masih ditahap rendah.

Kajian oleh Brookhart (2007) pula mendapati guru sekolah rendah menganggap teknik pemerhatian adalah teknik utama pentaksiran formatif. Hal ini menjadikan mereka kerap dan mahir menggunakan pelbagai jenis teknik pemerhatian berbanding guru sekolah menengah. Guru sekolah rendah turut disaran memberi murid latihan yang bersifat amali, latihan yang melibatkan pergerakan fizikal tubuh badan seperti nyanyian, lakonan, bercerita, membaca sajak dan syair kerana ia mampu meningkatkan pembelajaran pelbagai kebolehan seperti fizikal, kognitif, afektif, emosi dan sosial (interpersonal dan intrapersonal) (Hamm & Adams, 2009).

Teknik seperti ini membolehkan murid mempamerkan kebolehan, bakat dan minat mereka. Apa yang penting ialah maklumat daripada penggunaan teknik tersebut ialah dalam bentuk tingkah laku. Hal ini kerana tingkah laku yang ditunjukkan murid semasa aktiviti pentaksiran formatif memberikan maklumat kepada guru untuk membuat keputusan dan pertimbangan apa yang hendak dilakukan seterusnya dalam proses P&P. Oleh itu penggunaan teknik pentaksiran formatif perlu dirancang dengan baik supaya sesuai dengan pelbagai tahap kebolehan murid (Hall & Burke, 2003).

1.3 Pernyataan Masalah

Peperiksaan merupakan kaedah utama yang digunakan untuk mengukur pencapaian pelajar dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk tempoh lebih daripada 50 tahun. Oleh itu, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah mula diperkenalkan sejak 2011 di peringkat sekolah rendah bagi menambak sistem penilaian ke atas pelajar dengan menggunakan standard prestasi kerana sebelum ini penilaian terhadap pencapaian pelajar terlalu berorientasikan peperiksaan. Tujuannya dibangunkan adalah untuk menambakbaik Ujian Penacapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan memansuhkan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) menjelang tahun 2014 (Berita Harian: 5 Nov 2012).

Oleh itu, hakikat bahawa jika guru mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam penilaian mereka mungkin tidak mampu untuk membantu meningkatkan pembelajaran pelajar harus diterima. Guru-guru mungkin berasa kecewa dan akibatnya mungkin menunjukkan amalan kerja yang tidak diingini ke arah melaksanakan amalan terbaik dalam PBS. Jika usaha tidak dilakukan untuk mengkaji dan untuk memperbaiki amalan terbaik gurudalam PBS, maka aspirasi Kementerian Pendidikan untuk mencapai matlamat pentaksiran PBS kelak tidak akan menjadi kenyataan.

Menurut Rohizani Yaakub & Norlida Ahmad (2003), meningkatkan amalan terbaik guru dalam ujian dan penilaian perlu menjadi objektif penting dalam usaha untuk meningkatkan tahap pengetahuan guru-guru dalam merealisasikan PBS. Malangnya, sehingga kini tidak banyak kajian yang dijalankan untuk melihat pendapat guru tentang PBS, perbezaan pendapat mengikut jantina, kaum tahap pendidikan dan jenis sekolah dan amalan guru-guru Malaysia dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Keperluan untuk mengukur pendapat dan amalan terbaik guru adalah lebih mendesak.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami dan melihat pendapat guru tentang PBS, perbezaan pendapat mengikut jantina, kaum tahap pendidikan dan jenis sekolah dan amalan guru-guru Malaysia dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Kajian sedemikian disifatkan tepat pada masanya dan penting kerana ia boleh memberikan gambaran yang jelas dan relevan kepada guru-guru, PPD, JPN, Kementerian Pelajaran dan Kerajaan berhubung dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- ii. Mengenal pasti pendapat guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- iii. Mengenal pasti tahap amalan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).

- v. Mengetahui pasti sama ada terdapat perbezaan pendapat guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).
- vi. Mengetahui pasti sama ada terdapat perbezaan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).
- vii. Mengetahui pasti sama ada terdapat perbezaan amalan guru mengikut jenis sekolah (Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina).
- viii. Mengetahui pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pendapat guru dan pengetahuan guru dengan amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Adakah tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- ii. Adakah pendapat guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- iii. Adakah amalan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan guru mengikut demografi? (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)
- v. Adakah terdapat perbezaan pendapat guru mengikut demografi? (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)
- vi. Adakah terdapat perbezaan amalan guru mengikut demografi? (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)
- vii. Adakah terdapat perbezaan amalan guru mengikut jenis sekolah? (Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina)
- viii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman guru dan pendapat guru dengan amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

- Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut jantina.
- Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut kaum.
- Ho 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut tempoh perkhidmatan.
- Ho 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapat guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut jantina.
- Ho 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapat guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut kaum.
- Ho 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapat guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut tempoh perkhidmatan.
- Ho 7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut jantina.
- Ho 8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut kaum.
- Ho 9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut tempoh perkhidmatan.
- Ho10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan guru terhadap pelaksanaan PBS mengikut jenis sekolah.
- Ho11: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dan pendapat guru dengan amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

1.7 Kepentingan Kajian

Semua guru di sekolah merupakan agen-agen utama dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah masing-masing. Justeru, kajian ini adalah

untuk mendapatkan maklumat tentang pendapat guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, amalan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan perbezaan perbezaan amalan mengikut, jantina, kaum, Tahap pendidikan dan jenis sekolah serta permasalahan yang timbul semasa pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Hasil dapatan kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk:


- i. Membantu guru-guru di sekolah dalam pelaksanaan PBS di sekolah
- ii. Membantu Pejabat Pelajaran Daerah Pontian dalam melaksanakan PBS di sekolah.
- iii. Sebagai panduan dan bahan rujukan kepada bakal pengkaji dalam menjalankan kajian lanjutan.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada guru-guru yang mengajar di 14 buah sekolah di Zon Pekan Nanas Pontian sebagai responden. Ianya terdiri daripada 10 buah Sekolah Kebangsaan (SK) dan empat buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Pemilihan ini adalah wajar setelah mengambil kira jumlah populasi keseluruhan sekolah di Daerah Pontian. Menurut Mohd Najib (1999), ahli penyelidik menyarankan 30 peratus dari populasi adalah telah cukup sesuai sebagai saiz sampel dan ada juga yang berkata 30 sampel telah mencukupi. Perkara yang lebih penting perlu diatasi selain daripada saiz sampel ialah sampel mesti dapat mewakili populasi. Responden juga adalah terdiri daripada guru-guru akademik yang telah disahkan dalam jawatan sahaja.


1.9 Kerangka Teori / Model

Berikut adalah kerangka teori berdasarkan Model PBS Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang akan digunakan dalam mengkaji tahap pengetahuan, pendapat dan amalan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di sekolah rendah daerah Pontian.



Rajah 1.1 Model PBS (KPM, 2011)

1.10 Kerangka Kajian



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru PBS yang dilantik secara rasmi oleh pihak sekolah yang mana guru-guru ini telah dipertanggungjawabkan melaksanakan PBS di sekolah masing-masing. Data mengenai guru-guru PBS yang dilantik akan diperolehi melalui Guru Besar sekolah masing-masing. Hasil daripada kajian ini kelak tidak akan menggambarkan pola keseluruhan pelaksanaan PBS di sekolah-sekolah lain. Namun, diharapkan kajian ini boleh dijadikan panduan ke arah penambahbaikan pelaksanaan sistem PBS di sekolah-sekolah lain. Selain itu, kajian ini hanya menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen memperolehi data dan objektif kajian. Data yang diperolehi pula adalah berdasarkan kejujuran dan keikhlasan responden.

1.12 Definisi Konsep dan Operasi

Kajian ini akan melibatkan penggunaan beberapa istilah bagi memudahkan pengkaji memahami konsep sebagai pemudah cara dalam bab seterusnya. Penjelasan istilah-istilah adalah seperti berikut;

1.12.1 Pengurusan

Menurut Robert Kreitner (1983), pengurusan ialah suatu proses kerja dengan melalui orang lain bagi mencapai objektif organisasi secara berkesan dengan menggunakan sumber-sumber terhad secara cekap dalam suasana yang sentiasa berubah-ubah.

Menurut Kaswuri 2008 pengurusan adalah satu proses sosial dibentuk, disusun bagi mewujudkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam organisasi untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Wan Azmi (1981) pula menyatakan pengurusan sebagai satu aktiviti perancangan dan pengarahannya atau panduan oleh sesuatu perusahaan atau organisasi berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturannya juga tanggungjawab dan tugas kakitangannya.

Mary Parker Follet (1868 -1933) menyatakan bahawa pengurusan adalah sebagai seni untuk mencapai sesuatu melalui orang lain. Free-Content Encyclopedia Wikipedia pula menyatakan pengurusan boleh ditakrifkan berdasarkan fungsinya sebagai tindakan untuk mengukur sesuatu kuantiti pada tempoh-tempoh yang tetap dan berdasarkan kepentingan, mengubahsuai rancangan asal ataupun tindakan untuk mencapai maklumat yang dirancang.

Ang Huat Bin (2005) menyatakan bahawa pengurusan merupakan satu proses yang melibatkan beberapa fungsi dan aktiviti kerja yang mesti diikuti dan disempurnakan oleh pengurus bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Oleh sebab pengurusan dianggap sebagai satu proses, pengurus perlu menggunakan prinsip pengurusan sebagai panduan dalam menjalankan proses ini. Pengurusan melibatkan individu yang memimpin, mengarah, member tunjuk ajar dan mengurus organisasi. Dengan kata lain, pengurusan merujuk kepada pengurus yang terlibat dalam hal pengurusan dan bertanggungjawab memastikan segala aktiviti organisasi berjalan seperti yang telah dirancang. Pengurusan memberi penekanan terhadap kebajikan semua kakitangan di mana mereka perlu diurus dengan baik dalam usaha mencapai matlamat organisasi. Ini bermakna, manusia merupakan sumber penting yang mampu menggerakkan kejayaan dan menjana kecekapan serta keberkesanan organisasi agar matlamat dapat dicapai sejajar dengan misi organisasi.

Menurut Certo (1997), pengurusan boleh didefinisikan sebagai proses mencapai matlamat organisasi melalui cara bekerja dengan manusia dan sumber organisasi lain. Ivancevich *et. al.* (1997), pula mendefinisikan pengurusan sebagai

proses yang dijalankan oleh seorang individu atau lebih untuk menyelaras aktiviti kerja orang lain, modal, bahan mentah dan teknologi bagi mencapai hasil berkualiti tinggi yang tidak mampu dicakup oleh seseorang yang bertindak secara bersendirian.

Dalam kajian ini pengurusan bermaksud proses perancangan dan pergerakan atau panduan oleh sesuatu organisasi sekolah berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturannya, juga tanggungjawab yang mana ianya mesti diikuti dan disempurnakan oleh pengurus (guru besar) dan ahli organisasi (guru-guru dan kakitangan sekolah) dalam pelaksanaan PBS di sekolah yang akhirnya membawa kebaikan kepada organisasi.

1.12.2 Guru

Menurut Amir Hassan Dawi (2006), guru adalah mereka yang mempunyai kelayakan perguruan sama ada dalam bentuk sijil, diploma ataupun ijazah dan mempunyai autoriti untuk menentukan sebahagian daripada markah peperiksaan yang juga merupakan golongan yang berada di barisan hadapan dalam mentransmisikan ilmu.

Mengikut Kamus Dewan, profesion ialah pekerjaan terutamanya yang memerlukan pelajaran yang tinggi dan latihan yang khas misalnya dalam bidang undang-undang, senibina, perubatan, perakaunan dan lain-lain. Keguruan pula membawa maksud tugas dan tanggungjawab (kerjaya) sebagai guru. Dari kedua-dua pengertian tersebut, ia memberi makna bahawa profesion perguruan sama ada tinggi atau rendah, jaya atau gagal dilihat dan dinilai oleh masyarakat dari sudut peribadi gurunya dalam pembinaan negara bangsa itu sendiri.

Peranan dan tanggungjawab guru membina negara yang berlandaskan etika agama dan nilai sememangnya memberi impak yang besar dan mendalam dalam diri setiap individu itu. Dari kecil hinggalah menjawat jawatan yang hebat, semua itu adalah hasil ajaran dan didikan guru di sekolah, pun begitu, dunia hari ini semakin maju dan bergerak pantas seiring dengan era ledakan maklumat ini, guru tidak terkecuali merasai tempiasnya. Peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh guru semakin mencabar seiring kehendak kerajaan dan hala Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang kita sedia maklum.

Guru juga harus peka dengan tingkah laku setiap pelajarnya. Jika ada yang berangan atau mengantuk, guru perlu mengajukan soalan atau meminta pandangan daripada pelajar dan mengucapkan terima kasih di atas pendapat yang diberi. Bukan itu sahaja, guru juga perlu menunjukkan sifat prihatin dan menghormati para pelajarnya dan tidak sesekali mengherdik atau menghina pelajar yang dianggap nakal di hadapan kawan-kawan mereka. Seorang guru memang perlu bersikap tegas untuk mengawal murid-muridnya, namun janganlah memarahi pelajar dengan kata-kata kesat atau bebelan panjang. Perlu diingat bahawa tenaga yang dikeluarkan daripada kata-kata yang kesat hanya akan memberikan impak yang lebih negatif berbanding positif, diibaratkan seperti mencurahkan air ke daun keladi (Nur Faizah, 2006).

Menurut Esah Sulaiman (2003), guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid setiap hari. Tugas asasi guru ialah mengajar dan menilai pengajarannya.

Namun isu yang timbul ialah guru yang tidak mempunyai kemahiran untuk menjalankan tugas membuat pentaksiran. Guru tidak terdedah dengan kaedah dan teknik penandaan standard kerana mereka tidak pernah diberi pendedahan seperti kursus penandaan dan sebagainya. Walau pun bilangan guru yang ramai berada di sesebuah sekolah, tidak semua guru terlibat dalam proses penandaan peperiksaan awam.

Dalam kajian ini guru adalah sebagai pelaksana yang merupakan anggota barisan hadapan dalam pelaksanaan PBS di sekolah dengan mengambil kira kelayakan professional yang dimiliki dan sifat amanah, jujur, ikhlas, berintegriti, bertanggungjawab dan tegas bagi membolehkan ia diberi kepercayaan oleh pentadbir dalam menjayakan atau melaksanakan PBS di sekolah.

1.12.3 Pendapat

Menurut Atkinson dan Hilgard (1983) mendefinisikan pendapat sebagai proses menyusun dan mentafsir pola-pola rangsangan melalui organ penerimaan dan kemudian menghasilkan dan membentuk imej mengenai persekitaran.

Lavesque (1992) telah mendefinisikan pendapat sebagai satu proses bagaimana manusia memproses dan mengendalikan berbagai-bagai maklumat yang didapati daripada persekitarannya dengan menggunakan pancainderanya.

Menurut Rahmad (2005), pendapat adalah pengalaman seseorang tentang sesuatu objek, peristiwa atau hubungan hubungan yang diperoleh dengan menyimpulkan informasi dan menafsirkan sesuatu maklumat, dengan suatu yang bererti itu merupakan aktiviti yang berintegriti dalam diri individu.

Menurut Walgito (2001), pendapat merupakan proses pengorganisasian dan penginterpretasian terhadap rangsangan yang diterima oleh organisasi atau individu. Persepsi adalah interpretasi terhadap lingkungan manusia dan mengolah prosesinformasi tersebut (Wilson.D, 2000). Marasmis (1998) pula menyimpulkan bahawa pendapat adalah suatu daya untuk mengenal barang, kualiti atau hubungan dan perbezaan antara perkara ini melalui proses, mengamati, mengetahui, atau mengertikan setelah pancainderannya mendapat rangsangan.

Dalam kajian ini istilah pendapat adalah dari sudut pengalaman, pandangan dan persepsi guru terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah di sekolah.

1.12.4 Pelaksanaan

“Perlaksanaan” dalam kamus Dewan (1994), bermaksud hasil daripada melaksanakan, mengerjakan atau menyelesaikan sesuatu rancangan atau tugas. Istilah perlaksanaan adalah berbeza dengan pelaksanaan. Pelaksanaan membawa maksud perbuatan atau hal melaksanakan (mengusahakan, menjalankan) sesuatu, menjalankan atau menyelesaikan sesuatu rancangan, sedangkan “perlaksanaan” pula lebih kepada hasil daripada melaksanakan sesuatu program.

Dalam kajian ini pelaksanaan bermaksud perjalanan pengurusan PBS yang dilaksanakan oleh pegawai pelaksana yang terdiri daripada guru-guru sehingga selesai dengan mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan dan hasilnya adalah memenuhi standard yang telah ditetapkan.

1.12.5 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Mengikut pakar dan penulis buku yang terkenal dalam bidang berkenaan iaitu David Payne dalam bukunya *Applied Educational Assessment* Edisi Kedua (2003), pentaksiran ialah integrasi proses mengumpul maklumat, menginterpretasi maklumat atau memberi nilai kepada maklumat itu dan membuat keputusan berdasarkan interpretasi yang dibuat ke atas maklumat.

Menurut Siti Fatimah Abdul Rahman, (1993), pengertian pentaksiran atau assessment yang berasal daripada perkataan Greek '*Assidere*' iaitu bermaksud 'duduk di sisi' seperti dinyatakan di atas sesuai dengan apa yang dilakukan oleh ibu bapa dalam mengajar Al-Quran dalam tradisi pendidikan orang Melayu. Proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran berlaku secara timbal balik dan sepadu di mana sambil mengajar anaknya mengaji Quran, seorang ibu membuat pentaksiran secara tak formal kerana dia tahu adakah anaknya telah menguasai apa yang dipelajari atau belum dan dia tahu sama ada anaknya perlu mengulang balik atau meningkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

Di samping itu, si ibu akan menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia yang holistik sifatnya semasa proses tersebut berjalan. Dalam hal ini si ibu tidak perlu pun mengadakan ujian atau peperiksaan yang formal tetapi dia tetap dikatakan mendidik menggunakan proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang sepadu.

Menurut Panduan dan Peraturan Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011) menyatakan bahawa PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. PBS akan dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. PBS dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah akan menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan peringkat menengah menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Komponen PBS terdiri daripada empat teras iaitu Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (Psi). Pentaksiran Berasaskan Sekolah meliputi pentaksiran yang bersifat holistik, iaitu menilai aspek kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan

psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Dalam kajian ini, PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat menyeluruh dengan menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan.

1.12.6 Pementoran

Menurut Buku Panduan Pengurusan PBS Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011), pementoran adalah proses membantu, memudah cara dan membimbing guru. Pementoran dalam konteks Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah satu proses yang dijalankan untuk penjaminan kualiti bagi membantu, memudah cara, membimbing, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru untuk melaksanakan PBS mengikut prosedur dngaris panduan yang ditetapkan.

Dari segi empoh pelaksanaan, aktiviti pementoran dijalankan sebelum, semasa dan/atau selepas pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah. Objektif pementoran adalah untuk memberi bimbingan, khidmat bantu dan nasihat mengenai pelaksanaan dan pengurusan PBS. Selain itu ia adalah untuk meningkatkan kemahiran pelaksanaan pentaksiran dalam kalangan guru yang dibimbing. Meningkatkan kompetensi dan keyakinan guru yang dibimbing, membantu guru menyelesaikan masalah pelaksanaan PBS, dan membina rangkaian kerja dan hubungan profesional antara mentor dan guru yang dibimbing.

Pementoran terbahagi kepada dua iaitu formal dan tidak formal. Pementoran Formal dijalankan oleh JK PBS secara berjadual dalam mesyuarat atau sesi

peningkatan profesionalisme guru. Pementoran tidak formal dijalankan oleh JK PBS sebelum, semasa atau selepas pelaksanaan PBStanpa jadual yang ditetapkan.

Mentor diperlukan sebagai individu pelaksana proses pementoran. Mentor dalaman terdiri daripada GKMP/Ketua Bidang, Ketua Panitia, Guru Cemerlang, Jurulatih Utama, dan mana-mana guru yang dilantik oleh Pengetua/Guru Besar/JK PBS. Mentor luaran pula terdiri daripada, petugas yang dilantik oleh LP, petugas yang dilantik oleh JPN, petugas yang dilantik oleh PPD.

Peranan Mentor ialah membimbing guru menggunakan standard prestasi dan aplikasi SPPBS. Selain itu ia membantu guru menyediakan instrumen pentaksiran. Memberi pendedahan pelbagai jenis instrumen pentaksiran. Memastikan pelaksanaan pentaksiran seiring dengan P&P. Mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan pengajaran dan akhir sekali ia membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru yang dibimbing.

1.12.7 Penyelarasan

Menurut Buku Panduan Pengurusan PBS Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011), penyelarasan adalah bagi menyeragamkan pelaksanaan tugas dan penskoran bagi memastikan calon dinilai secara adil, keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Tempoh pelaksanaan PBS adalah mengikut kekerapan yang telah tertera dalam jadual pelaksanaan yang dibina oleh Jawatankuasa PBS.

Objektif penyelarasan adalah untuk menyeragamkan kefahaman terhadap kehendak tugas dan kriteria penskoran. Kedua ialah untuk menyeragamkan skor pentaksiran sekolah yang diberikan oleh guru berdasarkan pernyataan standard, deskriptor dan evidens dalam dokumen standard prestasi. Seterusnya menyeragamkan

skor pentaksiran pusat yang diberikan oleh guru berdasarkan kriteria penskoran sesuatu tugas yang ditetapkan.

Selain itu ia dapat menyeragamkan alat, bahan dan situasi mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk menghasilkan skor yang terlaras, memastikan kesahan dan kebolehpercayaan skor dalam pelaksanaan PBS oleh guru di sekolah, memastikan skor yang diberikan menepati keupayaan dan prestasi murid dan akhir sekali dapat memastikan skor yang diberikan adalah adil bagi semua murid. Penyelarasan terbahagi kepada dua iaitu penyelarasan dalaman dan penyelarasan luaran. Penyelarasan dalaman dijalankan bagi menyelaraskan kefahaman mengenai tugas dan penskoran pentaksiran pusat antara guru-guru mata pelajaran dalam sekolah yang sama. Manakala penyelarasan luaran dijalankan bagi menyelaraskan kefahaman mengenai tugas dan penskoran pentaksiran pusat antara guru-guru mata pelajaran di seluruh negara.

Pelaksanaan penyelarasan perlu mengikut prosedur yang betul. Sebelum penyelarasan, JK PBS peringkat JPN, PPD dan sekolah menentukan tarikh, tempat dan masa penyelarasan, mengadakan perbincangan mengenai kefahaman tentang standard prestasi atau tugas mengikut kesesuaian instrumen yang digunakan. Ia diikuti dengan kefahaman tentang penskoran. Seterusnya memilih evidens murid untuk penyelarasan skor. Semasa penyelarasan pula, guru perlu memilih evidens murid mengikut aras pencapaian, membanding skor yang diberikan oleh guru, dan menyelaraskan pemberian skor. Pelaksanaan selepas penyelarasan pula perlu untuk menyediakan laporan penyelarasan dan menyelaraskan skor murid, jika perlu.

1.12.8 Pemantauan

Menurut Buku Panduan Pengurusan PBS Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) (2011), pemantauan adalah satu proses penjaminan kualiti bagi memastikan

pelaksanaan PBS mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh LPM. Kekekapan aktiviti pemantauan adalah sepanjang tempoh pelaksanaan PBS dan mengikut jadual yang ditentukan oleh JKPBS.

Objektif pemantauan adalah bagi memastikan arahan pelaksanaan PBS dipatuhi. Selain itu ia adalah bagi mengenal pasti masalah pelaksanaan PBS oleh guru di sekolah, yang boleh membantu menyelesaikan masalah pelaksanaan PBS oleh guru, seterusnya dapat mengelak daripada berlakunya penyelewengan dan ketidakakuran. Akhirnya, ia dapat menyediakan laporan pelaksanaan PBS untuk tujuan penambahbaikan.

Pemantauan dalaman dilaksanakan oleh pihak sekolah. Pemantau dalaman terdiri daripada Pengetua/Guru Besar, Guru Penolong Kanan, GKMP, Guru Cemerlang, Ketua Panitia, Jurulatih Utama, dan guru yang dilantik oleh Pengetua/Guru Besar. Pemantauan luaran pula dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh PPD, JPN, LP dan pegawai dari bahagian-bahagian lain dalam KPM. Pemantau luaran ialah Pegawai LP, Pegawai JPN, Pegawai PPD, Pegawai dari Bahagian-bahagian lain Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pegawai yang dilantik oleh PPD, JPN dan LP.

1.12.9 Pengesanan

Menurut Buku Panduan Pengurusan PBS Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011), Pengesanan ialah satu proses penjaminan kualiti bagi memastikan instrumen pentaksiran yang digunakan mampu menghasilkan skor yang sah dan boleh dipercayai. Oleh kerana PBS ialah satu proses pentaksiran yang dilakukan secara berterusan maka kekekapan aktiviti pengesanan adalah sepanjang tempoh pelaksanaan PBS.

Objektif pengesanan adalah untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan kebolehlaksanaan instrumen pentaksiran, bagi memastikan skor yang diperoleh mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, untuk mencadangkan penambahbaikan instrumen pentaksiran dan akhir sekali untuk mencadangkan kepelbagaian instrumen pentaksiran. Pengesanan juga terbahagi dua iaitu pengesanan dalaman dan pengesanan luar.

Dalam pelaksanaan sebelum pengesanan Pegawai LP menentukan tarikh, tempat, masa pengesanan. Seterusnya menyemak Dokumen Standard Prestasi dan instrumen pentaksiran pusat yang berkenaan. Semasa proses pengesanan pula pegawai perlu menyenarai isu kebolehtadbiran dan kesesuaian instrumen pentaksiran, dan mencadangkan penyelesaian masalah. Selepas pengesanan pula pegawai perlu memastikan cadangan penyelesaian dilaksanakan dan membuat penambahbaikan instrumen pentaksiran dan melaksanakan program pengesanan semula.

1.13 Penutup

Bab ini telah membincangkan pengenalan kepada kajian, latar belakang dan rasional kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian. Bab seterusnya akan membincangkan berkaitan sorotan kajian yang dapat menyokong kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak (2003). *Pengajaran akhlak di sekolah menengah: Persepsi Pelajar-pelajar*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Kebangsaan Siri 3, hlm. 68-79
- Abd. Aziz Shukor, Ramlah Jantan, Md. Nasir Masran, Suppiah Nachiappan, & Roslinda Mustapha (2010). *Reading programme for remedial pupils among aboriginal in 7th Mile Primary School, Tapah, Perak*. Paper presented during International Management Education Conference 2010, from 6-8 Oktober 2010 in Shah Alam (Malaysia).
- Abdul Ghani, M. A. (2005). *Value Management (VM) Practice in Malaysia: The Principles and Method. Unpublished*. MBA, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdul Rahim (2011). Abdul Rahim Hamdan, Karim Mattarima (2011) *Understanding Students' Learning Strategies as an Input Context to Design English Classroom Activities. International Conference on Teaching and Learning Education 2011(ICTLE) 20-21 Jun 2011, Universiti Tenaga Malaysia(Uniten) Putrajaya, Kuala Lumpur.*
- Abdul Rahim Hamdan dan Muhammad Khairul Anuar (2012) *Pengetahuan, Kesediaan dan Teknik Pengajaran Guru dalam Kelas Inklusif*. Seminar Internasional Pasca Siswazah Pendidikan Khas UKM-UPI Siri II 2012. 28 Januari 2012 UKM

- Abdul Shukur Abdullah (1988). *Pengetua Berkesan: Sekolah Berkesan, Cabaran Pembangunan Sistem Pendidikan Negara. Kertas Kerja Seminar Kecemerlangan Sekolah-Sekolah Negeri Selangor* Petaling Jaya Selangor. 15 Jun 1988
- Abdul Shukur Abdullah (1995). *Membina Sekolah Yang Berkesan: Aplikasi Dasar. Kertas Kerja Seminar Sekolah Efektif*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Institut Aminuddin Baki.
- Abdul Shukur Abdullah (1996). *Membina Sekolah Yang Berkesan: Pengurusan Setempat. Empowerment dan Kepimpinan Sebagai Inisiatif Polisi. Kertas Seminar ke-2 Sekolah Efektif*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Institut Aminuddin Baki.
- Abdul Shukur Abdullah. *Tiga Teras Tingkat Martabat Pendidik*, Berita Harian, 16 Mei 2000.
- Ahmad Ghazali Ibrahim. (1994). *Fokus beberapa pendekatan Penilaian Dalam Matapelajaran Pendidikan Seni Kurikulum Bersepadu Sekolah menengah*. Masalah Pendidikan. Jilid 18: 91-97
- Aini Hassan (1996). *A study of Malaysian history teachers' subject matter and pedagogical content knowledge*. Tesis Ed.D yang tidak diterbitkan, Monash University, Australia.
- Amarjit Kaur a/p Maktiar Singh (1993). *Awareness And Perception Of Managers In A Manufacturing Organization Regarding TQM*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia
- Amir Hassan Dawi. (2006). *Pentorian sosiologi dan pendidikan*, Edisi ke-3. Tanjung Malim: Quantum Books,
- Ang Huat Bin (2005). *Pengurusan Perniagaan Siri Teks Politeknik* ,Kuala Lumpur , Penerbitan Fajar Bakti.

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006) *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Profesional
- Black, P. & Wiliam, D. (1998). *Inside the black box: Raising standards through classroom assessment*. London: School of Education, King College.
- Bloom, B. S. (1988). *Helping all children learn in elementary school and beyond*. *Principal*, 67(4), 12-17.
- Brookhart, S. M. (2007). *Expending views about formative classroom assessment: A*
- Brookhart, S. M. (2009). *The many meanings of multiple-measures*. *Educational Leadership*, 67 (3): 6-12.
- Bruner, J. (1960). *The Process of Education*. Cambridge, MA: The President and Fellows of Harvard College.
- Buku Panduan Pengurusan PBS Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011)
- Certo, S, C. (1997). *Modern Management, diversity, quality, ethics and the global*
- Chan Yuen Fook (2009) *School-based Assessment among ESL Teachers in Malaysian Secondary Schools: A Case Study, 23rd ICSEI 2010 Conference, Universiti Malaya, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.
- Chappuis, S & Chappuis J. (2008). *The best value in formative assessment*. *Educational Leadership*, 65 (4): 14-19
- Cizek, G. J. (2007). *Formative classroom and large-scale assessment: Implications for future rand development*. In. *McMillan, J.H. (Eds.). Formative classroom assessment: Theory into practice*,. New York. Teachers College Press. 99-115

- Cizek, G. J. (2007). *Formative classroom and large-scale assessment: Implications for future rand development*. In. McMillan, J.H. (Eds.). *Formative classroom assessment: Theory into practice*, 99-115. New York. Teachers College Press.
- Crooks, T. J. (1998). *The impact of classroom evaluation practice on pupils*. Review
- David Allen Payne (2003) *Applied Educational Assessment* , Wadsworth Pub Co; 2nd Edition Development, 27 (1): 10-14.
- Doran, R. L., Tamir, P. & Chan, A. (1995). *Assessment in science*. Arlington, VA: National Science Teachers Association. pp. 17-18.
- Duncan & Dunn, (1991) dalam Surina Muhammad Fakhruddin, Siti Zarina Syed Nordin, Zaidad Farhah Baharuddin, Wan Muhd Hafiz Wan Daud, Helmi Mustafa, Sivam A/L Andy (2009) *Persepsi Guru-Guru Bidang Teknik dan Vokasional Mengenai Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Salah Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Gombak*, Tesis Sarjana , Universiti Malaya.
- Ee Ah Meng (1989). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan ,Universiti Teknologi Malaysia.
- Fisher, D. & Frey, N. (2007). *Checking form understanding: formative assessment techniques for your Classroom*. Alexandria, Virginia: ASCD.
- Fuller, W. (1996). *Introduction to Statistical Time Series*, Second Edition. John Wiley, New York

- Greenberg PE, Birnbaum HG. (2000). *The workplace burden of depression* PHYSICIANS POSTGRADUATE PRESS, INC. 1474 J Clin Psychiatry 64:12, December 2003 underlying causes, recent empirical findings, and future directions. TEN 2000;2:37–40
- Hall, K. & Burke W. M. (2003). *Making formative assessment work: Effective practice in the primary classroom*. Maidenhead: Open University Press.
- Hamm, M & Adams, D. (2009). *Activating assessment for all atudents: Inovative activities, lesson plans, and informative assessment*. United Kingdom: Rowman & Littlefield Education.
- Harlen, W. (2007). *Formative classroom assessment in science and mathematics*. In.
- Hasnah Toran ,Tajul Arifin Muhamad ,Mohd Hanafi Mohd Yasin , Mohd Mokhtar Tahar, Nur Hazwani Hamzah (2010). *PENGETAHUAN DAN SIKAP RAKAN SEBAYA TERHADAP PELAJAR KURANG UPAYA DI SEBUAH IPTA DI MALAYSIA*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia , AJTLHE Vol. 2, No.2, July 2010, 21-32
- Ivan Filmer dan Foh Swee Hiang. (1997). *Penilaian Amali Sains Sekolah Rendah: SatuKajian Perintis*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan USM , Jilid 15: 33-42.
- Ivancevich, J.M., Olekalns, M., & Matteson, M.T. (1997). *Organizational behavior*
- Kaliyaperumal, K., I.E.C. Expert, & Diabetic Retinopathy Project (2004). *Guideline for Conducting a Knowledge, Attitude and Practice (KAP) Study*, AECS Illumination, Vol. 4, No.1, pp 7-9.
- Kamus Dewan. (4th ed.).(2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan PustakaHilgard, E.R., Atkinson, R.C. and Atkinson, R.L. (1983). *Introduction to psychology* (8th ed.). New York: Harcourt.

- Kantrowitz, B., & Wingert, P. (2000). Curing senioritis. *Newsweek*, 136(24), 60-61.
- Koh, S. (2008). *Project Great Start Professional Development Initiative: A Practice-based Approach to Professional Development. Presented at the National Reading Conference Annual Meeting, December 2-4, 2007, Orlando, Florida.* Presented in symposium Improving Teacher Knowledge, Teacher Practice, and Child Outcomes in Early Childhood Settings. (Chair, Susan Neuman)
- Magisos, J.H. (1989), “ *Vocational Teacher Education Principles, Practise, Problem and Promissing Direction.* “ London : The Plamer Press.
- Marasmis, W.F. (1998) *Catatan Ilmu Kedokteran Jiwa*, Airlangga University Press, Surabaya
- Mary Parker Follet (1868 -1933) *Constructive Conflict by Mary Parker Follett* Paper presented at Bureau of Personnel Administration conference, January 1925.
- Mavropoulou, S., & Padeliadu, S. (2000). Greek teachers' perceptions of autism and
- McMillan, J.H. (Eds.). Formative classroom assessment: Theory into practice,*
- Meyer, J., & Allen, N. (1997). *Commitment in the workplace.* Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Mohamad Azhar Mat Ali & Shahrir Jamaluddin. (2007). *Amalan pentaksiran untuk pembelajaran di sekolah menengah.* Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 27 (1) 19-54.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Sulaiman (1999), —*Subordinates Preference for Leadership Behaviour-Expatriates or Local Bosses , Malaysian Management Review, June 1999.*

- Mohammed Sani Bin Ibrahim & Hadiyanto (2011) *Procedia – Social and Behavioral Sciences 00* (2011) 000-000 12.
- Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Hj. Siarap (2013) Kempen Pencegahan H1N1: Kajian Tentang Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Penduduk Di Timur Laut Pulau Pinang, *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communicatio* Jilid 29(1) 2013: 127-140, Universiti Sains Malaysia
- Na'imah Ishak. (2011). *School based assessment as transformation in educational assessment. Keynote dalam International Seminar On Measurement and Evaluation (ICMEE 4) USM*, Pulau Pinang, 9-12 Oktober.
- Na'imah Ishak. (2011). *School based assessment as transformation in educational assessment. Keynote dalam International Seminar On Measurement and Evaluation (ICMEE 4) USM*, Pulau Pinang, 9-12 Oktober.
- Notoatmodjo, Soekidjo. (2003). *Pendidikan dan perilaku Kesehatan*, Jakarta : Rineka Cipta
- Plowden (1967) . *Children and their Primary Schools. Report of the Central Advisory Council for Education (England)*. London: HMSO. pp 366–385.
- Rafeedah Abd. Rahim (1996). *Kualiti Menyeluruh – Antara Impian Dengan Realiti. Buletin Kualiti*. Bil.5 November 1996. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Robert Kreitner(1983). *Management*. Edisi kedua. Boston.Houghton Mifflin Company, hlm 10.
- Rogers, C.R. (1974). *Remarks on the future of client-centered therapy. In D.A. Wexler & L.N. Rice (eds.) Innovations in client-centered therapy*. NY: John Wiley & Sons.

- Rohizani Yaakub & Norlida Ahmad (2003). *Teknik alternatif menilai dalam bilik darjah. 2nd International Conference on Measurement and Evaluation Education (ICMEE 2003). Organized by School of Educational Studies & Centre for Instructional Technology & multimedia, Universiti Sains Malaysia.*
- Scherer, M. (2005). *Reclaiming testing*. Educational Leadership, 63 (3): 9-13
- Scherer, M. (2007). *Playing to strengths*. Educational Leadership, 65(1), 7.
- Shamsiah Sidek, Nurin Abdul Majid, Nelly Ezatul Fazlina Md Sah, Hamidah Mohamed dan Mohd Noor Hashim (2011). *The Role of TVET Teachers In School Based Assessment Of Vocational Electives Subjects At School Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Batu Pahat, Johor*. Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Shulman, L. (1987). *'Knowledge-base and teaching: foundations of the new reform.'* Harvard Educational Review 57/1: 1-22.
- Simanjuntak, P.J. (1985). *Pengantar Ekonomi Sumber Daya Manusia*, BPFE UI, Jakarta.
- Stiggins, R. & Chappuis, J. (2006). *What a difference a word makes*. Journal of Staff.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki Miskon.(2010) *Guru dan cabaran semasa*, Puchong, Selangor : Penerbitan Multimedia,
- Tan, A.G. (1995). *Implicit theories of stress: A cross-cultural comparison between Japanese and Malaysians*. Research in Social Psychology, 11,1-10.
- Tengku Zawawi Tengku Zainal. (2005). *Pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi tajuk 'Pecahan' di kalangan guru matematik sekolah rendah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Valente, T., Paredes, P., & Poppe, P. (1998). *Matching the message to the process: The relative ordering of knowledge, attitudes, and practices in behavior change research*, Human Communication Research, Vol. 24, No. 3,
- Walgito, B.(2001). *Pengantar Psikologi Umum*. Yogyakarta : Andi Offset
- Wan Mohd Zahid Wan Nordin (1993). *Wawasan Pendidikan : Agenda Pengisian*: Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wilson, D. (Ed.) (2000). *Relevance and communication. Modern foreign languages* (quarterly) 23, 210-217
- Yahya Buntat, Zakaria Mohd Yusof, Meor Ibrahim Kamaruddin (2006) *Kemahiran Employability: Tanggapan Guru Terhadap Penerapannya Di Sekolah Satu Kajian Kes*. In: Annual Conference on Teacher Education, 6-8 Sept 2006, Kota Kinabalu, Sabah. (Unpublished)
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). *Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1 (1): 51-65.